



28 Disember 2012
28 December 2012
P.U. (A) 479

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PENETAPAN PRODUK PASARAN MODAL)(PRODUK
PASARAN MODAL ISLAM) 2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION OF
CAPITAL MARKET PRODUCT) (ISLAMIC CAPITAL MARKET
PRODUCT) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN PRODUK PASARAN MODAL)(PRODUK PASARAN MODAL ISLAM) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Produk Pasaran Modal) (Produk Pasaran Modal Islam) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“sekuriti Islam” mempunyai erti yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Islam) 2012 [*P.U. (A) 478/2012*];

“produk pasaran modal Islam” ertinya—

(a) sekuriti Islam;

(b) skim unit amanah yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

(c) derivatif yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

(d) skim persaraan swasta yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

(e) apa-apa produk atau perkiraan yang berasaskan sekuriti atau derivatif,

atau mana-mana gabungannya, yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah; atau

- (f) apa-apa produk pasaran modal lain yang distrukturkan yang mematuhi prinsip Syariah.

Penetapan sebagai produk pasaran modal

3. Suatu produk pasaran modal Islam ditetapkan sebagai produk pasaran modal bagi maksud undang-undang sekuriti.

Dibuat 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8; PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION OF CAPITAL MARKET PRODUCT)
(ISLAMIC CAPITAL MARKET PRODUCT) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(1) of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Prescription of Capital Market Product) (Islamic Capital Market Product) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 27 December 2012.

Interpretation

2. In this Order—

“Islamic securities” has the same meaning as provided for in the Capital Markets and Services (Prescription of Islamic Securities) Order 2012 [P.U. (A) 478/2012];

“Islamic capital market product” means—

- (a) Islamic securities;
- (b) a unit trust scheme structured in compliance with Shariah principles;
- (c) derivatives structured in compliance with Shariah principles;
- (d) a private retirement scheme structured in compliance with Shariah principles;
- (e) any product or arrangement which is based on securities or derivatives, or any combination thereof structured in compliance with Shariah principles; or

- (f) any other capital market product structured in compliance with Shariah principles.

Prescription as capital market product

3. An Islamic capital market product is prescribed as a capital market product for the purposes of securities laws.

Made 27 December 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1 Jld.8; PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance